

# Malaysia ukir kejayaan di pentas global, perkukuh hubungan

Negara dilihat sebagai rakan strategik, terima pengiktirafan pemimpin kuasa besar atas perjuangan isu antarabangsa

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata rangkaian lawatan rasmi ke luar negara serta kunjungan pembesar dunia ke Malaysia sepanjang tahun ini berjaya memperkukuh hubungan dengan ne-

gara sahabat, melonjak pelaburan dan eksport serta menjulang negara di persada dunia.

Beliau berkata, Malaysia kini dilihat sebagai rakan strategik yang dihormati, menerima pengiktirafan daripada pemimpin ne-

gara kuasa besar atas peranan dalam memperjuang isu global terutama mendukung keadilan buat rakyat Palestin serta memperjuang tatanan dunia yang lebih adil dan seimbang.

"Menjelang 2025, Malaysia bersedia menggalas tanggungjawab merintis kebangkitan ASEAN, membawa rantau ini ke era baharu yang lebih terangkum dan mampan.

"Dengan sokongan padu masyarakat antarabangsa, kita melangkah ke tahun depan dengan penuh keyakinan untuk memacu kemakmuran bersama," katanya menerusi hantaran di Facebook semalam.

Menerusi video yang dimuat naik dalam hantaran itu, beliau mengimbau lawatan rasmi dan lawatan kerja Perdana Menteri ke luar negara pada 2024 termasuk ke Singapura, Brunei, Indonesia, China, Australia, Rusia, Jerman, Qatar, Arab Saudi, Uzbekistan, Jepun, India, Peru dan Brazil.

Sebanyak RM115.2 bilion (US\$25.2 bilion) potensi pelaburan terhasil daripada keseluruhan lawatan berkenaan antaranya Jerman (RM46 bilion), Korea Selatan (RM32.8 bilion), Australia (RM24.5 bilion), Jepun (RM1.45 bilion) dan India (RM4.8 bilion).

Selain itu, Malaysia menerima 35 lawatan rasmi dan kunjungan hormat pembesar negara asing antaranya Kemboja, Argentina, China, Kyrgyzstan, Mesir dan Bahrain.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, Malaysia mesti

memperkukuh dan memperluas kerjasama dengan China ke sektor baharu termasuk tenaga, sains dan teknologi hijau yang meraikan 'jubli emas' hubungan diplomatik pada tahun ini.

Beliau berkata, tahun ini ulang tahun ke-50 terjalannya hubungan diplomatik di antara Malaysia dan China. Malaysia menganggap China sebagai sahabat sejati.

Berikutan penguatkuasaan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), keterbukaan pasaran di antara Malaysia dan China terus ditingkatkan.

Malaysia menyertai Ekspo Import Antarabangsa China (CUE) di Shanghai sebanyak tujuh kali secara berturut-turut. Kini produk dari Malaysia seperti durian, manggis dan minyak sawit mendapat sambutan yang semakin baik oleh pengguna China.

## Eksport durian RM1 bilion

Anwar berpendapat durian mempunyai potensi besar di pasaran China.

"Jumlah eksport durian Malaysia ke China mencatat hampir RM1 bilion pada masa ini dan ia diunjur akan meningkat secara besar-besaran kerana angka itu hanyalah melibatkan satu hingga dua wilayah di China.

"Cuba bayangkan, jika durian Malaysia dapat dieksport ke 10 wilayah di China, betapa besarnya skala pasaran itu," kata Anwar ketika ditemu bual oleh wartawan Kumpulan Media Chi-

na (CMG) di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, dasar pengecualian visa antara Malaysia dan China juga memudahkan perjalanan rakyat kedua-dua negara.

Anwar menyatakan dasar itu memainkan peranan penting dalam meningkatkan jumlah pelancong di antara kedua-dua negara.

"Kebanyakannya pelancong dari China kerana China negara sumber pelancong yang amat besar.

"Sehingga Oktober lalu, jumlah pelancong China ke Malaysia bertambah kira-kira 186 peratus dan dasar itu secara berkesan memacu sektor pelancongan Malaysia," kata Anwar.

Selain itu, Malaysia antara negara yang paling awal menyokong inisiatif Jalur dan Larian (BRI) yang dianjurkan China.

Sejak hubungan Malaysia dan China ditingkatkan ke tahap perkongsian strategik komprehensif pada 2013, skala kerjasama di antara kedua-dua pihak memperlihatkan peningkatan besar.

Jumlah perdagangan dua hala Malaysia-China mencecah US\$200 bilion sehingga 2024 dan China kekal sebagai rakan dagang terbesar bagi Malaysia selama 16 tahun secara berturut-turut serta negara sumber pelaburan utama.

Sementara itu, Malaysia menjadi rakan dagang kedua terbesar dan negara pengeksport paling besar bagi China dalam ASEAN.

BERNAMA